

# Upacara tradisi tentera sambut PM hari ini

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Satu upacara penuh tradisi tentera telah diatur untuk menyambut Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih tugas Menteri Pertahanan di sini, esok.

Satu perbarisan kawalan kehormatan 105 orang anggota dari ketiga-tiga perkhidmatan - darat, laut dan udara akan memberi hormat setibanya di Kementerian Pertahanan.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga akan memeriksa kawalan kehormatan itu, kata seorang jurucakap Bahagian Perhubungan Raya, Kementerian berkenaan, hari ini.

Menurut jurucakap itu, Datuk Seri Dr. Mahathir akan disambut oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar Datuk Bandar Abang Haji Mustapha, Panglima Angkatan Tentera, Jen. Tan Sri Mohamed Ghazali Seth dan Ketua Setiausaha Kementerian, Tan Sri Mohamad Yusof Abdul Rahman.

Jurucakap itu berkata, Perdana Menteri dijangka akan menghabiskan tiga jam di Kementerian Pertahanan di mana beliau akan menerima kunjungan kehormat dari Panglima Tentera Darat, Laut dan Udara.